



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 37/2024

PROGRAM KEMBARA JOM PLATFORM MENDAPATKAN MAKLUM BALAS DAN PANDANGAN TERHADAP PELAN TRANSISI KEPIMPINAN BELIA

1. **Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim** hadir ke **Sesi Libat Urus Pelan Transisi Kepimpinan Belia** bersempena dengan penganjuran program **Kembara Jumpa Orang Muda (Kembara JOM) Peringkat Negeri Pulau Pinang** bertempat di **Dewan Sharifah Khatreena Nuraniah, MRSM Arau**, hari ini.
2. Program ini turut dihadiri **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia dan Kemajuan Sukan Negeri Perlis, YB Wan Zikri Afthar Ishak** dan **Pemangku Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perlis, YBrs. Puan Siti Hasmah Hassan**.
3. Kembara JOM merupakan sebuah inisiatif **KBS** melalui **Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY)** dan **JBSN** bagi membolehkan pemegang taruh belia menyampaikan maklum balas dan pandangan terhadap draf **Pelan Transisi Kepimpinan Belia** secara terus kepada **kepimpinan tertinggi KBS**.
4. Maklum balas dan pandangan yang diterima ini akan digunakan untuk **memuktamadkan pelan tersebut** yang bakal menjadi pemacu pelaksanaan **pindaan kepada Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668]**.
5. Antara kandungan utama kepada pindaan Akta 668 adalah merangkumi **penurunan definisi had umur belia kepada 30 tahun**, **penetapan had umur ketua ataupun pemegang jawatan pertubuhan belia iaitu 18 hingga 30 tahun** dan **mengehadkan tempoh ketua pertubuhan belia selama empat (4) tahun**. Pindaan Akta 668 telah diluluskan di Parlimen pada tahun 2019 dan akan **berkuat kuasa 1 Januari 2026**.

6. Sehubungan itu, Kembara JOM merupakan **platform terbaik bagi pemegang taruh belia**:
 - 6.1 mendapatkan maklum balas dan **pandangan tentang pelan transisi kepemimpinan belia**;
 - 6.2 meningkatkan **pengetahuan dan pemahaman** berkaitan Akta 668 dan pindaan 2019;
 - 6.3 meningkatkan **pengetahuan dan pemahaman** mengenai hala tuju belia dan kepemimpinan belia negara; dan
 - 6.4 mendapatkan **maklumat terkini** untuk merangka program dan aktiviti pembangunan belia yang menyeluruh, inklusif dan komprehensif.
7. Antara **pengisian aktiviti di bawah Kembara JOM** adalah taklimat oleh ROY, aktiviti Rakan Muda dan pameran reruai oleh jabatan/ agensi kerajaan.
8. Pelaksanaan Kembara JOM ini juga menzahirkan komitmen **Kerajaan MADANI** untuk memperkasakan pembangunan belia seiring dengan hasrat dan aspirasi dalam kerangka **Malaysia MADANI** dan **Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030)**.
9. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung penganjuran Kembara JOM, sila hubungi **JBSN** melalui talian **03-8871 3744** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

6 Julai 2024